



Headline: Akauntan wanita tertipu, lebih RM69,000 lesap  
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)  
Date: 16 April 2022

Language: Malay  
Section: Tempatan  
Page: 1

## Akauntan wanita tertipu, lebih RM69,000 lesap

**SIBU:** Seorang akauntan wanita berusia 34 tahun di sini terpaksa menanggung kerugian lebih RM69,000 gara-gara tertipu selepas menerima satu pesanan ringkas (SMS), kelmarin.

Menurut SMS tersebut, terdapat pemotongan bayaran berjumlah RM3,320 menggunakan kad kredit mangsa pada jam 10 pagi hari berkenaan.

Berdasarkan laporan kes, mangsa yang menafikan pernah memiliki kad kredit dari bank berkenaan kemudian diminta oleh suspek untuk menghubungi 'pegawai' bahagian laporan Bank Negara Malaysia

untuk tujuan semakan dan menyerahkan maklumat diri dan butiran dua akaun bank miliknya.

Mangsa kemudian menerima nombor Kod Kebenaran Transaksi (TAC) melalui SMS yang juga diserahkan kepada 'pegawai' berkenaan bagi tujuan semakan pembayaran.

Pada jam 11.09 pagi, pengadu menerima SMS yang menyatakan terdapat tiga transaksi pemindahan wang berjumlah RM49,788 daripada akaunnya ke akaun orang lain.

Pengadu yang mula curiga kemudian pergi ke bank kedua untuk membuat semakan dan mendapati



**MARIA**

sejumlah RM19,500 telah dipindahkan daripada satu lagi akaun banknya kepada akaun suspek sama dengan keseluruhan kerugian berjumlah RM69,288.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah

Komersial Sarawak Superintenden Maria Rasid ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan kes tersebut.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu," katanya.